

1

PENGENALAN

1.1 Latar Belakang

Pendidikan adalah suatu proses pembangunan insan yang menyeluruh bagi memenuhi aspirasi individu, masyarakat dan negara. Salah satu elemen dalam proses pembangunan insan ini ialah dengan mengikuti kurikulum pendidikan yang dibina oleh sesebuah negara itu. Kurikulum tersebut mestilah membawa matlamat, fokus dan aspirasi pendidikan negara berkenaan.

Penekanan yang sama juga diberikan dalam pembinaan kurikulum di Malaysia. Kurikulum yang dibina hendaklah memenuhi hasrat dan aspirasi Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) serta agenda pembangunan kemajuan Malaysia. Perlaksanaannya juga harus dapat membantu perpaduan rakyat yang terdiri daripada pelbagai kaum.

Menurut Taylor & Richards (1986), kurikulum haruslah ditangani berasaskan aspek berikut:

- Pembinaan kurikulum (perubahan dan inovasi)
- Pelaksanaan kurikulum (pengaruh dan kekangan)
- Penilaian kurikulum (kesesuaian dan pengiktirafan)

- Bahan kurikulum (bahan sokongan pengajaran dan pembelajaran, buku teks, buku untuk guru, dan lain-lain)

Ini bermaksud, buku, yang merangkumi buku teks, buku rujukan pelajar, segala bentuk buku ulang-kaji dan buku panduan guru, merupakan salah satu bahagian yang penting dalam merealisasikan matlamat dan objektif kurikulum sesebuah negara. Malahan, apabila saja terwujud sistem pendidikan formal di negara-negara maju atau negara sedang membangun sama ada di peringkat prasekolah, rendah, menengah atau tinggi, amalan menggunakan bahan bercetak untuk menyokong pengajaran dan pembelajaran ini juga diwujudkan bersama. Bahan bercetak ini selalunya berupa buku teks, buku rujukan atau buku latihan, yang ditulis berasaskan kepada sukatan pelajaran tertentu dalam sistem pendidikan tersebut.

Ini juga bermakna, selagi ada sukatan pelajaran dalam sistem pendidikan negara, buku tidak akan terpisah daripada dasar atau akta pendidikan yang terlibat. Peranan bahan bercetak ini sudah menjadi begitu penting hingga sukar diketepikan, dipisahkan atau dikeluarkan daripada dasar dan sistem pendidikan sesebuah negara. Banyak negara memberikan perhatian besar kepada aspek ini dalam usaha mendidik pelajar dan memberikan peluang pendidikan yang seoptimum mungkin bagi warganya. Di Malaysia umpamanya, Skim Pinjaman Buku Teks yang diwujudkan pada tahun 1975 banyak membantu meringankan beban ibu bapa yang berpendapatan rendah untuk memastikan anak-anak mereka mempunyai buku teks supaya pembelajaran mereka tidak terjejas.

Justeru tidak dapat dinafikan bahawa buku merupakan alat utama untuk proses pendidikan. Manakala pendidikan itu sendiri adalah asas terhadap pembangunan negara. Secara ekstrapolasi, buku mempunyai peranan besar dalam pengembangan kebudayaan dan pembangunan negara.

Fletcher (1996) telah menggariskan kegunaan sesebuah buku seperti berikut:

- Untuk mengumpulkan ilmu manusia
- Untuk mencari maklumat
- Untuk dijadikan objek yang cantik
- Untuk menghiburkan
- Untuk mengajar
- Untuk mengajar agama Kristian
- Untuk dibeli dan dijual
- Untuk dijadikan mata pencarian bagi penerbit, penjual buku dan pustakawan

Hassan Ahmad (2000) berpendapat peranan asas buku ialah sebagai alat kemajuan manusia. Ilmu atau perusahaan untuk mengembangkan dan mengedarkan ilmu adalah komoditi budaya, tidak sebagai modal perindustrian, tetapi berada dalam tangan atau kuasa para ilmuwan, ahli sains, sasterawan, para penulis, editor, penerbit buku dan pengedar atau penjual buku.

Jenis buku yang paling banyak diterbitkan di negara ini ialah buku sekolah, meliputi buku teks, buku rujukan, buku ulang kaji, buku aktiviti, buku kerja dan panduan peperiksaan sekolah rendah dan menengah, diikuti oleh buku umum. Penerbitan buku teks dan buku-buku lain yang berasaskan kurikulum dan sukatan pelajaran merupakan kegiatan utama para penerbit di Malaysia.

Pasaran buku sekolah di Malaysia sangat besar. Perangkaan Kementerian Pendidikan Malaysia bagi tahun 2002 mencatatkan jumlah pelajar yang berada dari Tahun 1 hingga Tingkatan 5 mencecah 5 juta orang.

Menurut Sha'ari Abdullah (1995), "Sehingga hari ini keadaan industri penerbitan negara masih belum terarah. Penerbit swasta lebih banyak menumpukan perhatian kepada penerbitan buku teks sekolah, buku ulang kaji dan kertas ramalan peperiksaan. Buku-buku bacaan umum, dan yang serius belum lagi diterokai". Beliau juga mengatakan bahawa "buku dan usaha untuk menerbitkannya dianggap seolah-olah 'soal swasta' (mesti buat keuntungan) dan bukan soal negara".

Pada masa ini, penerbitan buku teks tertakluk kepada dasar kerajaan. Akan tetapi buku-buku sekolah selain daripada buku teks, seperti buku kerja, buku ulang kaji, buku panduan guru, kit sumber pengajaran dan pembelajaran, alat-alat bantuan mengajar seperti kad imbasan, poster, video, CD-ROM dan sebagainya, jika tidak melanggar Akta Hak Cipta, tidak tertakluk kepada dasar-dasar khas daripada kerajaan. Sekolah bebas menggunakannya dalam pengajaran dan pembelajaran, dan pemilihannya banyak bergantung kepada penilaian para pendidik itu sendiri.

Pusat Perkembangan Kurikulum mendapati 82% pelajar menggunakan buku ulang kaji peperiksaan yang dibeli di pasaran, walaupun buku teks tetap

merupakan bahan rujukan asas untuk pembelajaran dan pengajaran dalam bilik darjah (KPM, 1992). Keadaan ini berlaku kerana mereka mendapati kandungan buku rujukan padat dan mudah difahami, mengandungi maklumat yang tidak terdapat dalam buku teks, dan boleh membantu mereka mendapat pencapaian yang baik dalam ujian dan peperiksaan.

Di Malaysia, penerbitan dan pengedaran buku teks sekolah rendah dan sebahagian daripada buku teks sekolah menengah adalah bawah kawalan kerajaan dan diamanahkan kepada Dewan Bahasa dan Pustaka. Ini menyebabkan kebanyakan penerbit buku sekolah terpaksa bersaing bagi pasaran buku sekolah bukan buku teks. Persaingan yang sengit ini mempunyai implikasi yang baik dari segi persaingan menghasilkan mutu terbaik, pada harga paling kompetitif dan pada kadar penerbitan yang pantas, namun persaingan ini juga menyaksikan kemunculan pelbagai cara dan helah oleh pihak-pihak terlibat untuk melariskan buku dengan apa jua cara, termasuk cara yang mungkin tidak beretika.

Dalam ucap utama Seminar Buku Teks KBSM yang disampaikan oleh Tuan Haji Abdul Rafie bin Haji Mahat, pada masa itu Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia, Jabatan Sekolah, Kementerian Pendidikan Malaysia, pada 20 Jun 2000 di Port Dickson, Negeri Sembilan, beliau telah menceritakan laporan akhbar *Bangkok Post* yang dibacanya di Thailand seminggu sebelumnya. Laporan itu menceritakan perihal sekumpulan pengusaha buku teks

di Thailand yang telah didakwa kerana menjalankan suatu sindiket yang melibatkan guru besar dan guru untuk tidak menggunakan buku teks yang diperakukan oleh Kementerian Pendidikan di Thailand. Sebaliknya, menerusi pelbagai cara mereka telah cuba menggalakkan penggunaan buku-buku yang diterbitkan oleh penerbit swasta. Ini berlaku kerana diskaun serta insentif-insentif lain yang ditawarkan oleh penerbit-penerbit swasta di Bangkok amatlah menarik.

Kenyataan beliau itu sangat menarik kerana perkara yang serupa juga ada berlaku di negara kita, iaitu amalan penerbit-penerbit swasta menawarkan diskaun yang tinggi berserta pelbagai ganjaran dan insentif lain yang menarik untuk melariskan buku terbitan masing-masing. Hal ini berlaku disebabkan oleh wujudnya persaingan yang sengit dalam pengedaran buku-buku sekolah, juga kerana aktiviti penerbitan dan pengedaran buku-buku sekolah di Malaysia pada ketika ini adalah agak terbuka dan bebas.

Buku sekolah ialah buku yang dihasilkan khusus untuk digunakan dalam kelas secara berkumpulan, atau bersendirian di rumah sebagai latihan. Buku sekolah biasanya ditulis oleh pengarang yang berpengalaman sebagai guru. Penerbit dan editor meningkatkan mutunya melalui penyuntingan dan persembahan yang menarik.

Kebanyakan buku sekolah ditulis oleh mereka yang bekerja dalam profesion pendidikan, majoritinya guru atau tenaga pengajar yang lain

(pensyarah, tutor dan sebagainya). Terdapat suatu mitos popular dalam penerbitan, iaitu banyak buku *bestseller* bermula sebagai manuskrip yang tidak diundang, tetapi perkara ini jarang-jarang berlaku dalam penerbitan buku sekolah. Ini kerana buku sekolah yang baik mestilah terlebih dahulu melalui suatu proses perancangan dan pengujian yang teliti.

Dalam menjayakan program pendidikan negara ini, peranan penerbit swasta sebagai salah satu komponen penting dalam sistem pendidikan negara tidak boleh dinafikan. Penerbit buku sekolah swasta sama penting dengan komponen bahagian-bahagian di Kementerian Pendidikan dalam penyediaan bahan P & P untuk kegunaan murid-murid dan para guru atau pendidik di peringkat sekolah. Hasil pengeluaran yang bermutu dan berkualiti daripada sekolah tentu sekali kesan daripada bahan yang dihasilkan oleh para penerbit sama ada dalam bentuk bahan bercetak seperti buku teks, bahan rujukan guru, buku kerja, buku ulang kaji dan sebagainya dan dalam bentuk digital dan elektronik seperti CD-ROM, video, internet, kaset dan sebagainya (Shaari, 2000).

Dalam situasi hari ini yang mementingkan pencapaian akademik seseorang itu, sudah tentu terdapat permintaan yang tinggi bagi bahan-bahan yang dapat membantu meningkatkan pencapaian akademik pelajar. Ini juga menyaksikan kemunculan banyak penerbit buku sekolah, serta pusat-pusat tuisyen yang didirikan secara professional mahupun dikendalikan di rumah.

Penerbitan buku sekolah adalah suatu bidang penerbitan yang spesifik, teknikal dan memerlukan kepakaran dan kemahiran yang tersendiri. Oleh sebab pasaran buku teks dan buku sekolah bukan buku teks dipandang sebagai suatu pasaran yang besar dan menguntungkan, maka ramai yang menceburi bidang ini kerana yakin akan mendapat keuntungan. Persoalannya, apakah model perniagaan yang wujud pada ketika ini bagi pasaran buku sekolah di Malaysia merupakan suatu model yang ideal yang mampu melahirkan persaingan yang sihat dan yang dapat menguntungkan semua pihak, terutamanya pengguna akhir, iaitu pelajar, dan sistem pendidikan di negara ini? Apakah bentuk perniagaan yang dijalankan sekarang selaras dan menyumbang kepada aspirasi pendidikan negara? Persoalan ini boleh cuba dijawab dengan meninjau kegiatan penerbitan dan pengedaran buku sekolah di Malaysia pada hari ini.

1.2 Objektif Kajian

Mengapa perlu ada buku kerja, buku latihan topikal, buku rujukan dan kertas model peperiksaan? Penggunaan buku teks sahaja tidak mencukupi kerana buku teks adalah buku konsep. Ia menjelaskan sesuatu konsep dan kemahiran tertentu, menyediakan latihan untuk menguji kefahaman konsep atau pencapaian kemahiran tersebut, dan membawa kandungan yang mengandungi pelbagai tujuan dan aspirasi matlamat pendidikan.

Buku-buku sekolah yang ditulis berasaskan silabus, huraian sukatan pelajaran dan kurikulum adalah penting dalam pembelajaran dan pengajaran, walaupun buku-buku teks telah disediakan. Buku teks berperanan untuk menerangkan konsep. Halaman buku teks agak terbatas sebagai sebahagian daripada usaha untuk mengawal kos penerbitan bagi memberikan harga serendah mungkin supaya tidak membebankan ibu bapa. Apa yang lebih penting lagi, peranan buku teks yang utama ialah mengupas huraian sukatan pelajaran dan menerangkan konsep.

Sebaliknya, buku pendidikan berasaskan silabus kurang menekankan penghuraian konsep sebaliknya lebih menjurus kepada pengukuhan konsep melalui latihan pengayaan, maklumat tambahan dan rujukan umum yang tidak terkandung dalam buku teks. Dalam hal ini peranan kedua-duanya adalah saling melengkapi dan tidak boleh dinafikan buku pendidikan berasaskan silabus jenis topik dan buku kerja banyak membantu para guru dalam pengajaran mereka.

Kadang kala, guru dan pelajar bergantung sepenuhnya kepada buku rujukan terbitan penerbit swasta kerana buku teks belum diterbitkan atau belum ada di pasaran sedangkan pengajaran mata pelajaran itu telah pun bermula. Ini berlaku semasa mata pelajaran Komponen Sastera (KOMSAS) mula diajar di sekolah-sekolah pada tahun 2000 bermula dengan Tingkatan 1 dan Tingkatan 4 KBSM. Pada bulan Februari 2000 masih belum terdapat buku teks di pasaran sedangkan buku-buku rujukan sampingan oleh penerbit-penerbit swasta telah

memenuhi pasaran. Dalam hal ini buku-buku rujukan tersebut telah memainkan peranan yang amat penting bagi mengisi lompang dalam pengajaran dan pembelajaran. Penerbit buku sekolah swasta yang sentiasa peka dengan perkembangan dalam bidang pendidikan dan cepat memberikan respons terhadap perkembangan tersebut boleh menjadi ejen bagi inovasi (digunakan sebagai sumber rujukan bagi penulisan buku-buku teks baru) dan penyelamat keadaan.

Dengan begitu pentingnya peranan buku-buku sekolah berbentuk rujukan kepada guru dan pelajar bagi membantu memantapkan proses pengajaran dan pembelajaran, maka kajian yang dijalankan ini bermatlamat mencapai perkara-perkara seperti berikut:

- Meninjau apakah jenis dan kategori buku-buku sekolah yang diterbitkan di Malaysia.
- Meninjau ciri-ciri unik dalam penerbitan buku sekolah yang membezakannya daripada buku-buku daripada kategori lain.
- Mengenal pasti pihak-pihak yang terlibat dalam kegiatan penerbitan buku sekolah di Malaysia, peranan yang dimainkan dan pengaruh ke atas satu sama lain.
- Mengkaji faktor-faktor yang mempengaruhi penerbitan dan pemasaran buku-buku sekolah di Malaysia.
- Meninjau corak pengedaran buku-buku sekolah di Malaysia.

- Meninjau masalah dan cabaran yang dihadapi oleh pihak-pihak yang terlibat dalam kegiatan penerbitan dan pengedaran buku-buku sekolah di Malaysia serta memberi cadangan bagi memperbaiki kelemahan yang ada.

1.3 Skop Kajian

Fokus kajian ini ialah terhadap buku-buku sekolah bukan buku teks, yang meliputi buku-buku berbentuk ulang kaji seperti buku kerja, model kertas peperiksaan, buku latihan topikal, rujukan tambahan, panduan peperiksaan serta jenis-jenis lain. Kesemua buku ini ditulis berasaskan silabus dan sukatan pelajaran dan diterbitkan oleh penerbit buku sekolah swasta.

Perbezaan utama antara buku teks dengan bukan buku teks ialah buku teks disediakan dengan kawalan dan seliaan kerajaan melalui Bahagian Buku Teks, Kementerian Pendidikan Malaysia, serta diperaku untuk kegunaan di sekolah-sekolah. Penggunaan buku teks di sekolah diwajibkan dan ditentukan oleh kerajaan manakala penggunaan buku sekolah bukan buku teks bergantung kepada pelajar, ibu bapa, guru dan pentadbir sekolah.

Kajian ini dibuat terhadap buku-buku sekolah bagi tahun-tahun rasmi persekolahan, iaitu dari Tahun 1 KBSR hingga Tingkatan 5 KBSM. Kajian ini juga ditumpukan kepada aliran sekolah kebangsaan dan sekolah kerajaan. Terdapat perbezaan besar antara senario penggunaan buku-buku sekolah antara sekolah

kebangsaan dengan sekolah jenis kebangsaan Cina dan Tamil. Walaupun buku prasekolah juga ditulis berasaskan silabus tetapi tidak terangkum dalam kajian ini kerana struktur niaganya amat berbeza, pemain-pemainnya berbeza dan faktor-faktor yang mengawal penerbitan dan pengedarannya juga berbeza. Kajian ini juga dilakukan secara umum bagi seluruh Malaysia. Perbezaan geografi, jika ada, akan dinyatakan.

1.4 Kepentingan Kajian

Sebarang kelemahan, jika ada, dalam sistem penerbitan dan pengedaran buku-buku sekolah di negara kita, tidak menguntungkan sesiapa. Malahan, penerbit swasta banyak kehilangan peluang apabila sistem yang tidak cekap dijadikan salah satu alasan bagi tidak diberikan peluang menangani penerbitan buku teks. Persaingan tidak sihat di kalangan penerbit bagi mendapatkan segmen pasaran juga telah mendorong pemberian diskaun yang tinggi, hadiah dan ganjaran, serta amalan-amalan tidak sihat yang lain seperti *under-table benefits*.

Banyak pihak yang mengelompokkan penerbitan buku sekolah dalam senario umum penerbitan buku, tanpa menyedari bahawa segmen buku sekolah ini unik dan tersendiri. Banyak daripada hipotesis dalam konsep pemasaran sebenarnya tidak atau kurang relevan bagi bidang buku sekolah. Sebaliknya, banyak faktor dan pembolehubah yang tidak wujud dalam teori pemasaran memainkan peranan penting dalam bidang buku sekolah.

Bidang ini perlu diteliti dan diperhalusi kerana buku-buku sekolah amat perlu bagi melengkapkan peranan buku teks. Buku teks pula komponen wajib dalam sistem pendidikan negara bagi tujuan mencapai aspirasi Falsafah Pendidikan Kebangsaan melalui kurikulum. Penghasilan insan seimbang sebagaimana hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan pula akan memandu bangsa dan negara ke arah kecemerlangan dan ketinggian tamadun.

1.5 Metodologi

Bagi sesuatu penyelidikan, terdapat beberapa cara pengumpulan data seperti menerusi pemerhatian sendiri, menerusi penglibatan secara langsung, menerusi temubual secara bersemuka atau menerusi penelitian ke atas dokumen dan bahan terbitan badan-badan tertentu. Bagi kajian ini, beberapa kaedah pengutipan data dan maklumat telah digunakan. Kaedah-kaedah utama yang digunakan ialah pemerhatian sendiri, kaedah tinjauan secara temubual bersemuka dengan pihak-pihak yang terlibat secara langsung dalam skop kajian ini iaitu penerbit buku, penjual dan pengedar buku, pengetua dan guru sekolah, serta pegawai-pegawai daripada agensi yang berkaitan, penglibatan secara langsung dan lawatan ke lapangan, serta penganalisan data sekunder. Data yang dikumpulkan lebih bersifat kualitatif.

Kaedah tinjauan melalui borang soal selidik tidak dilakukan. Ini kerana pengkaji terlibat secara langsung dalam penerbitan buku sekolah dan dijangkakan responden-responden yang dihubungi menerusi kaedah ini sama ada tidak akan memberikan respons atau memberikan respons yang tidak tepat. Ini kerana penerbitan buku sekolah di kalangan pihak swasta amat kompetitif dan pengusaha selalu bimbang soal-soal kerahsiaan perniagaan akan terlepas ke pihak lawan. Oleh itu, menerusi kaedah penglibatan secara langsung, pengkaji berusaha mengatasi kelemahan ini dengan mengenal pasti pihak-pihak yang berasa selamat untuk ditemubual secara bersemuka. Menerusi penglibatan secara langsung juga beberapa kelemahan dalam cara pengumpulan data melalui kaedah temubual secara bersemuka telah dapat diatasi. Antara perkara yang dapat dilakukan ialah pengenalpastian sumber rujukan yang relevan, menentukan kesahihan data yang dikutip, dan membuat perbandingan data bagi persoalan yang serupa daripada sumber-sumber berbeza.

Menerusi penglibatan secara langsung, pengkaji bukan sahaja mendapat maklumat primer dan sahih tentang amalan perniagaan yang prevalen, malah didedahkan kepada perkara-perkara yang tidak manis untuk didokumenkan. Kaedah temubual dijalankan bagi menambahkan data, melengkap maklumat yang diperolehi daripada dokumen rasmi; bagi memperkukuh data yang diperolehi menerusi dokumen rasmi dan pengalaman sebenar, dan bagi mendapatkan data yang tidak terkandung dalam dokumen rasmi.

Menerusi kaedah dokumentari, iaitu cara pengumpulan data dengan melakukan kajian terhadap dokumen-dokumen yang ada hubungan dengan masalah yang diteliti, penulis mengkaji petikan akhbar, majalah, artikel dan terbitan berkala. Selain kajian ke atas bahan-bahan perpustakaan, penulis juga mengkaji bahan-bahan dokumentasi berkaitan yang diperoleh daripada persatuan-persatuan yang berkaitan dengan industri perbukuan, terutama yang berkaitan dengan topik kajian, iaitu Majlis Buku Kebangsaan Malaysia (MBKM), Persatuan Penerbit Buku Malaysia (MABOPA) dan Persatuan Penjual Buku Malaysia (MBIA).

Laporan rasmi organisasi penting kerana laporan-laporan ini menggariskan polisi dan aspirasi organisasi tersebut, manakala perbandingan dengan amalan sebenar memperlihatkan sejauh mana polisi dan aspirasi ini dipatuhi. Di mana mungkin, penulis membangkitkan sebab bagi sebarang ketidakpatuhan, dan akibat-akibatnya. Laporan akhbar dan artikel juga amat bermakna dalam kajian ini kerana bahan-bahan ini sering membangkitkan kekusaran dan kelemahan dalam senario penerbitan dan pengedaran buku sekolah yang berlaku pada ketika itu.

Analisis data berbentuk deskriptif dan inferensi. Rumusan yang dibuat lebih bersifat pengupasan keadaan dan situasi dan pengenalpastian punca permasalahan. Di mana mungkin, alternatif dimajukan sebagai kemungkinan penyelesaian.

Mengambil kira perkembangan industri perbukuan dan penerbitan yang diakui lebih maju di beberapa negara lain terutamanya negara-negara barat, pengkaji juga banyak menggunakan bahan-bahan terbitan luar negara untuk mendapatkan maklumat tambahan dan untuk dibuat perbandingan. Antara sumber yang banyak dirujuk ialah majalah dwibulanan *Booksellers* yang diterbitkan di Britain dan majalah dwibulanan *Publishers Weekly* yang diterbitkan di Amerika Syarikat. Selain itu, semestinya bahan-bahan berkaitan daripada Internet turut dirujuk apabila relevan dengan topik kajian.

Syed Arabi Idid (1993) membahagikan penyelidikan kepada jenis penyelidikan asas dan penyelidikangunaan. Penyelidikangunaan ialah penyelidikan yang dilakukan dan digunakan untuk menambahkan hasil atau memperbaiki mutu. Penyelidikan asas ialah penyelidikan yang dilakukan semata-mata untuk menjawab soalan teoritis. Berdasarkan pembahagian ini, kajian ini lebih bersifat penyelidikan asas, namun mempunyai potensi yang besar untuk dikembangkan kepada penyelidikangunaan menerusi kajian-kajian lanjut.